



**GARIS PANDUAN  
GERAN PENYELIDIKAN  
PUSAT PERNIAGAAN SOSIAL YUNUS  
FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**(PINDAAN TAHUN 2020)**

Pusat Perniagaan Sosial Yunus  
Aras 5, Sekretariat Penyelidikan dan Inovasi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Tel: 03-8921 4488/4623

## **1. TUJUAN**

Geran Penyelidikan Pusat Perniagaan Sosial Yunus (YCSB@UKM) bertujuan merangsang penyelidikan yang dapat membantu mengurangkan masalah sosial dalam masyarakat dengan menasaskan isu golongan yang berpendapatan rendah dan golongan miskin melalui dengan inisiatif membangunkan model perniagaan sosial yang lestari.

## **2. TEMA PENYELIDIKAN**

Projek Kajian kes keusahawanan sosial yang berkaitan dengan topik – topik berikut:

1. Usahawan Sosial: Mindset, Karakteristik, dan Kompetensi
2. Motivasi Keusahawanan Sosial
3. Merancang Keusahawanan Sosial
4. Cabaran Pemasaran untuk Keusahawanan Sosial
5. Menguruskan Bahagian Kewangan Keusahawanan Sosial
6. Organisasi dan Pengurusan Keusahawanan Sosial
7. Mengukur Kesan Keusahawanan Sosial

## **3. DOMAIN PENYELIDIKAN**

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan salah satu domain penyelidikan seperti berikut:

1. Pengukuhan STEM
2. Akal Budi Melayu
3. Pemerksaan B40
4. Islam Kontemporari
5. Integrasi ASEAN
6. Malaysia Lestari
7. Malaysia Sihat Sejahtera

## **4. KLUSTER PENYELIDIKAN**

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan salah satu kluster penyelidikan seperti berikut:

1. Transformasi Sosial dan Ekonomi
2. Teknologi Terkehadapan dan Digital
3. Kesihatan dan Perubatan Termaju
4. Sumber Lestari Alam Sekitar dan Kehidupan Pintar
5. Warisan dan Masyarakat Madani

## 5. SYARAT PERMOHONAN

Geran kajian kes ini terbuka kepada **kakitangan akademik aktif UKM** dengan syarat-syarat berikut:-

- a. Penyelidik adalah Warganegara Malaysia dan kakitangan akademik dari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- b. Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); dimestikan mempunyai satu (1) penyelidik bersama bertaraf tetap dari institusi yang sama.
- c. Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai dua (2) penyelidik bersama bertaraf tetap dari institusi yang sama.
- d. Perlu menghadiri satu siri taklimat bersama penggiat usahawan sosial Malaysia bagi mendapatkan intipati tema geran. Tarikh dan lokasi akan dimaklumkan oleh YCSB.
- e. Bukti penghantaran artikel untuk diwasitkan perlu dihantar dalam tempoh 3 (tiga) bulan selepas tamat penyelidikan.
- f. Setiap pemohon dibenarkan untuk **mengemukakan hanya satu permohonan projek sahaja.**

## 6. SILING PERMOHONAN

RM 5,000.00

## 7. TEMPOH PENYELIDIKAN

Tidak melebihi tempoh 12 bulan

## 8. HASIL PENYELIDIKAN

- a. Bukti penerbitan sekurang-kurangnya satu (1) artikel terindeks yang perlu dihantar dalam tempoh 6 bulan selepas tamat penyelidikan; dan
- b. Sekurang-kurangnya satu (1) bab dalam buku YCSB UKM untuk penerbitan 2021

## 9. TATACARA PERMOHONAN

- a. Permohonan untuk Geran Penyelidikan YCSB@UKM perlu menggunakan **Borang Cadangan Penyelidikan YCSB-UKM-2019-01** terkini dari urusetia YCSB@UKM.

- b. Satu salinan keras (1) dan satu (1) salinan lembut perlu dihantar kepada urusetia YCSB@UKM di Sekretariat Penyelidikan dan Inovasi, FEP mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

## **10. PERATURAN KEWANGAN**

- a. Peruntukan geran ini tidak dibenarkan digunakan untuk menghadiri dan mengadakan persidangan.
- b. Penggunaan peruntukan adalah dibenarkan untuk item yang diluluskan dibawah kod perbelanjaan berikut:

### **Vot 11000 (Upah dan Elaun)**

- i. Melantik Penyelidik Pasca Doktorat, Pembantu Penyelidik (RA) dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh UKM.
- ii. Potongan KWSP caruman majikan dan potongan PERKESO bagi lantikan Penyelidik Pasca Doktorat dan Pembantu Penyelidik (RA) adalah menggunakan peruntukan projek penyelidikan.

### **Vot 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)**

- i. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan dalam negara yang berkaitan dengan projek.
- ii. RA atau GRA hanya dibenarkan kerja lapangan, kursus dan bengkel perjalanan dalam negara sahaja.

### **Vot 24000 (Sewaan)**

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

### **Vot 27000 (Bekalan dan Bahan Penyelidikan)**

- i. Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja yang dibenarkan.
- ii. Peralatan yang dibeli menggunakan vot ini (berharga < RM3,000.00) perlu dinyatakan dengan jelas di dalam perancangan kewangan dan pembelian perlu mengikut tatacara pengurusan aset.

### **Vot 28000 (Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai)**

- i. Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

- ii. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan.
- iii. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

#### **Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)**

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data, yuran persidangan, yuran penerbitan, suguhati dan lain-lain perkhidmatan ikhtisas yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

#### **Vot 35000 (Aksesori dan Peralatan)**

- i. **Tidak dibenarkan pembelian komputer dan kamera**
- ii. Pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja. Senaraikan jenis peralatan dan justifikasi permohonan. Jumlah yang dipohon tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.
- iii. Pembelian aset/inventori perlu mengikut prosedur universiti dan dilaksanakan dengan teratur. Setiap aset/inventori perlu dikawal dengan baik dari segi rekod dan dilabel Hak Kerajaan Malaysia dan No. Siri Pendaftaran.
- iv. Definisi aset:
  - Alat atau aksesori berharga RM3,000.00 dan ke atas.
  - Perisian komputer bernilai RM50,000.00 dan ke atas.
  - Setiap aset perlu dikembalikan kepada pihak FEP setelah selesai projek penyelidikan tersebut atau penyelidik cuti belajar. Ini termasuklah komputer riba, kamera, ipad, telefon pintar, pencetak, projector serta lain-lain peralatan penyelidikan.
  - Pembelian atau perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan hanya dibenarkan sekiranya telah diluluskan. Walau bagaimanapun, pembelian aset tidak dibenarkan dalam tempoh enam bulan sebelum projek tamat (tarikh asal projek).

### **11. PENILAIAN DAN PEMILIHAN**

- a. Permohonan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Geran Penyelidikan YCSB yang dilantik oleh YCSB@UKM. Jawatankuasa Penilaian Geran Penyelidikan YCSB diketuai oleh seorang pengerusi dan beberapa ahli jawatankuasa yang diperakui kepakarannya oleh pihak UKM.
- b. Penyelidikan harus berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik fakulti, universiti dan negara.

## 12. PEMAKLUMAN KEPUTUSAN

- a. Keputusan permohonan dana ini akan dimaklumkan kepada pemohon melalui emel dan surat sebagaimana yang dilampirkan dalam jadual kerja yang diedarkan.
- b. Bagi projek yang telah diluluskan, surat kelulusan akan dikeluarkan kepada ketua projek. Ketua projek perlu mengembalikan Surat Akuan Menjalankan Penyelidikan (YCSB-UKM-2019-02) kepada Sekretariat Penyelidikan dan Inovasi untuk tujuan pengaktifan projek dan pengaktifan peruntukan projek dalam Sistem UFASt.
- c. Sekiranya Surat Akuan Menjalankan Penyelidikan (YCSB-UKM-2019-01) tidak dikembalikan, status projek akan pasif dan penggunaan peruntukan ditangguhkan.